

# MUKA DUA

Selanjutnya, kerajaan yang dipimpin UMNO dan Barisan Nasional amat prihatin atas keluhan-keluh bagi meringankan kos sara hidup rakyat. Misalnya, bantuan khas diperuntukan kepada pekebun kecil sebanyak RM200 selama tiga bulan bagi musim tengkujuh, merangkumi 440,000 pekebun kecil dan penoreh getah. Tidak dilupakan, kepada hampir 60,000 nelayan yang diberi elaun khas sebanyak RM200 hingga RM300 sebulan sepanjang tahun. Untuk pesawah padi pula, kerajaan menyediakan RM1.3 bilion untuk subsidi harga padi, benih padi dan baja padi.

Petikan ucapan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Razak pada Perhimpunan Agung UMNO 2016



[FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]

## MRT disiap ikut masa, jimat kos RM2 bilion



Untuk video layari  
[www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)

Najib menaiki MRT bersama penumpang selepas merasmikan fasa pertama MRT Sungai Buloh-Semantan di Stesen Kwasa Damansara, semalam.

BH  
16/12/2016  
m/s 2

➔ Projek pengangkutan awam antara paling moden di dunia

**Oleh Rohaniza Idris,  
Hazwan Faisal Mohamad,  
Luqman Ariff Abd Karim  
dan Faris Fuad**  
bhnews@bh.com.my

## ► Sungai Buloh

**K**erajaan menjimatkan kira-kira RM2 bilion daripada sasaran asal projek rel Mass Rapid Transit (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) untuk menyediakan kemudahan pengangkutan awam antara paling moden di dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata keseluruhan projek MRT SBK disiapkan dengan kos kira-kira RM21 bilion, berbanding sasaran awal RM23 bilion.

Malah, katanya, projek itu juga disiapkan dalam tempoh masa ditetapkan dan tidak pernah sekali pun tersasar sepanjang lima tahun pembinaannya.

“Syabas dan tahniah, projek MRT

ini bukan sahaja berjaya mengurangkan kos daripada bajet, malah ia juga disiapkan mengikut masa ditetapkan,” katanya berucap merasmikan fasa pertama MRT Sungai Buloh-Semantan di Stesen Kwasa Damansara dekat sini, semalam.

### Percuma sebulan

Pada majlis pelancaran yang bersejarah itu, Perdana Menteri turut mengumumkan perkhidmatan MRT dan bas perantara percuma selama sebulan mulai hari ini hingga 16 Januari 2017 sebagai hadiah kepada rakyat sempena sambutan Tahun Baharu.

“Ini bagi memberi peluang kepada rakyat untuk mencuba kemudahan pengangkutan awam yang baharu, moden dan efisien ini,” katanya.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri Nepal, Krishna Bahadur Mahata; Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow

Tiong Lai; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Datuk Seri Nancy Shukri.

Yang hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa yang juga Pengerusi MRT Corp dan Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar.

Fasa pertama MRT itu membatik laluan antara stesen Sungai Buloh hingga Semantan sejauh 21 kilometer membatik 12 stesen iaitu Sungai Buloh, Kampung Selamat, Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr Ismail, Phileo Damansara, Pusat Bandar Damansara dan Semantan.

Pembangunan projek MRT itu diumumkan Perdana Menteri pada Disember 2010 dengan anggaran kos RM23 bilion membatik laluan sejauh 51 kilometer dengan 31 stesen dari Sungai Buloh ke Kajang.

Najib berkata, projek MRT sangat dekat di hatinya dan sepanjang lima tahun pembinaannya beliau kerap turun padang untuk melihat sendiri secara dekat setiap kemajuan dan pencapaiannya.

“Projek ini akan memartabatkan Malaysia selangkah ke hadapan sebagai negara maju lengkap dengan jaringan pengangkutan awam moden dan efisien.

“Kira-kira 400,000 penumpang kereta persendirian dapat dikurangkan di Lembah Klang dengan adanya MRT ini dan apabila beroperasi nanti, masa perjalanan ke ibu negara daripada Sungai Buloh hanya mengambil masa 30 minit.

### Manfaat 2 juta penumpang

“Lebih penting lagi, MRT ini akan memberi lebih dua juta penduduk mod perjalanan yang moden, efisien, selamat dan dipercayai,” katanya.

Difahamkan, projek MRT SBK mewujudkan 130,000 peluang sejak

pembinaan bermula pada 2010.

Najib menegaskan, pembinaan MRT SBK adalah bukti teras pentadbiran beliau iaitu ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’ bukanlah retorik semata-mata tetapi menjadi azimat berusaha sekuat mungkin memastikan kehendak asas dan kebajikan rakyat Malaysia direalisasikan.

Sebelum mengakhiri ucapannya, Najib memberi kejutan kepada semua tetamu yang hadir pada majlis pelancaran itu dengan mempelawa hadirin untuk menaiki MRT bersama-sama beliau dari Stesen Kwasa Damansara ke Stesen Sungai Buloh.

“Saya dengan ini menjemput tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekali bersama saya menaiki MRT ke Sungai Buloh,” katanya yang mendapat tepukan gemuruh daripada tetamu.

